

PENGUKURAN KECEKAPAN PENGURUSAN SEKOLAH: SATU SOROTAN LITERATUR

Rozita Baba

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka, Malaysia

Hana Duerama

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka, Malaysia

Corresponding Author's Email: rozita@unimel.edu.my

Article history:

Received : 16 November 2022

Accepted : 22 December 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Kecemerlangan sesebuah sekolah adalah sangat bergantung kepada kecekapan pengurusan sekolah. Pengukuran kecekapan pengurusan dapat menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan yang sihat serta menambahbaik prestasi sekolah terutamanya pencapaian akademik sekolah. Oleh itu, pemilihan terhadap model pengukuran kecekapan adalah penting supaya pengukuran kecekapan sekolah adalah menyeluruh dan menggambarkan prestasi sebenar sekolah. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti kaedah pengukuran kecekapan pengurusan melalui kajian-kajian lepas. Seterusnya kajian ini akan menentukan kaedah pengukuran kecekapan pengukuran yang bersesuaian dengan sekolah. Kajian kualitatif ini akan menganalisis setiap model berdasarkan kesesuaiannya dengan konsep sekolah. Hasil kajian mendapati enam kaedah yang boleh diguna dan dicadangkan dalam pengukuran kecekapan pengurusan sekolah iaitu *Data Envelopment Analysis* (DEA), *Stochastic Frontier Analysis* (SFA), kaedah 'Tiga Dimensi Kecekapan', kaedah 'Six Rules', kaedah Svirina dan kaedah Dua Dimensi. Setiap kaedah menilai kecekapan pada aspek yang berbeza antaranya aspek ekonomi, sosial, sosio-ekonomi, hubungan antara anggota, organisasi dan fungsi pengurusan. Walau bagaimanapun, semua kaedah mempunyai objektif yang sama iaitu mengukur dan meningkatkan kecekapan organisasi. Sebahagian besar kaedah pengukuran berbentuk kuantitatif dan terdapat cadangan untuk menggunakan pengukuran berbentuk kualitatif supaya prestasi sekolah dapat dinilai dengan lebih menyeluruh. Apabila berkaitan pengurusan sekolah, DEA adalah lebih sesuai digunakan dengan pengubahsuaian menurut ciri-ciri pengurusan sekolah kerana DEA dapat menetengahkan peratusan penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap sekolah yang tidak cekap.

Kata kunci: Pengukuran kecekapan, pengurusan sekolah, kecekapan sekolah, sosio-ekonomi sekolah

MEASURING SCHOOL MANAGEMENT EFFICIENCY: A LITERATURE REVIEW

ABSTRACT

The excellence of a school is highly dependent on the efficiency of school management. Measuring management efficiency can promote healthy growth and development as well as improve school performance, especially school academic achievement. Therefore, the selection of the efficiency measurement model is important so that the measurement of school efficiency is comprehensive and reflects the actual performance of the school. The objective of this study is to identify methods of measuring management efficiency through past studies. Next, this study will determine the measurement efficiency measurement method that is appropriate for the school. This qualitative study will analyze each model based on its compatibility with the school concept. The results of the study found six methods that can be used and suggested in the measurement of school management efficiency, namely Data Envelopment Analysis (DEA), Stochastic Frontier Analysis (SFA), the 'Three Dimensional Efficiency' method, the 'Six Rules' method, the Svirina method and the Two Dimensional method. Each method assesses efficiency on different aspects including economic, social, socio-economic aspects, relationships between members, organizations and management functions. However, all methods have the same objective of measuring and improving organizational efficiency. Most of the measurement methods are quantitative and there are suggestions to use qualitative measurements so that school performance can be evaluated more comprehensively. When it comes to school management, DEA is more suitable to be used with modifications according to the characteristics of school management because DEA can highlight the percentage of improvements that can be made to inefficient schools.

Keywords: *Efficiency measurement, school management, school efficiency, school socio-economics*

PENGENALAN

Produktiviti sumber manusia dan sumber kewangan merupakan keutamaan dalam anjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Penekanan kepada keberhasilan guru yang berkualiti dan komited agar dapat menyumbangkan ilmu dan tenaga ke tahap maksimum demi melonjakkan imej negara dalam ekonomi dunia melalui transformasi pendidikan. Perkara penting yang perlu diambilkira untuk mencapai matlamat ini adalah dengan mewujudkan sistem pengurusan sekolah yang cekap di dalam pengagihan sumber yang dapat memberi impak yang besar kepada peningkatan sistem pendidikan bukan sahaja dalam akademik malah diniah.

Pencapaian terhadap tahap kecekapan yang tinggi merupakan tanda kejayaan sesebuah organisasi. Pengurusan yang cekap dan berintegriti dalam menguruskan sekolah adalah faktor kejayaan sekolah selain dari pencapaian akademik yang cemerlang. Pengurusan yang cekap ini dapat melaksanakan keputusan mengikut sasaran pada masa yang ditetapkan dan juga boleh mengimbangi risiko yang berlaku. Organisasi masa kini, sama ada syarikat swasta atau institusi kewangan berlumba-lumba meningkatkan potensi masing-masing dari segi kecekapan pengurusan, pemasaran dan perkhidmatan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kecekapan menjadi ukuran prestasi sesebuah organisasi termasuk sekolah. Namun begitu, masalah yang dihadapi oleh sekolah pada hari ini adalah disebabkan oleh pengurusan yang tidak cekap yang digambarkan oleh pencapaian akademik yang kurang cemerlang.

Justeru itu, wujud beberapa kaedah pengukuran kecekapan untuk mengukur tahap kecekapan sesebuah sekolah sama ada berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Antara kaedah yang digunakan untuk mengukur kecekapan sekolah ialah DEA dan SFA atau melalui nisbah kewangan. Selain itu, terdapat beberapa kajian yang mencadangkan model yang boleh mengukur kecekapan pengurusan seperti kaedah 'Tiga Dimensi Kecekapan', kaedah 'Six Rules', kaedah Svirina dan kaedah Dua Dimensi. Islam juga telah menggariskan panduan bagi membolehkan kecekapan di dalam pengurusan dan di dalam ekonomi boleh dicapai.

PENGUKURAN KECEKAPAN

Pengukuran kecekapan dalam kajian ini diukur berdasarkan kepada aspek kewangan dan bukan kewangan. Aspek bukan kewangan adalah nilai sosial dan pengurusan. Secara khususnya, kajian ini membezakan kedua-duanya sebagai kecekapan ekonomi dan kecekapan pengurusan. Kepentingan kajian kecekapan pendidikan digambarkan oleh kajian yang telah dijalankan oleh (De Witte, K., & López-Torres 2017) meliputi kajian tahun 1977-2015 dengan menggunakan carian laman sesawang ERIC (*Educational Resources Information Center*) dan ISI Web of Science (WOS). ERIC merupakan perpustakaan digital secara online bagi kajian pendidikan dan informasi. Manakala ISI WOS merupakan database indeks dan perkhidmatan carian bidang akademik dunia. Kajian mereka mendapati sebanyak 221 kertas yang boleh dimuat naik secara keseluruhan berhubung kecekapan pendidikan. Kata kunci yang digunakan dalam carian adalah "*efficiency*", "*education*", "*frontier*", "*school*", "*performance measurement*", "*primary education*", "*academic achievement*", "*educational assessment*", "DEA", "SFA" dan "*economic of education*" telah digunakan mencari di dalam abstrak.

KECEKAPAN EKONOMI

Kecekapan merupakan keberkesanan menggunakan input bagi menghasilkan output. Kajian kecekapan sesebuah organisasi atau firma adalah penting untuk

difahami dan dinilai bagi mengukur keberkesanan operasi sesebuah organisasi atau firma.

Kaedah yang biasa digunakan dalam pengukuran kecekapan adalah menggunakan nisbah output ke atas input,

$$\text{Kecekapan} = \frac{\text{Output}}{\text{Input}}$$

Secara umum, terdapat tiga teori berkaitan kecekapan iaitu pertama Kecekapan Pareto, Kecekapan Penambahbaikan Kaldor-Hicks dan Kecekapan Teorem Keuntungan Sifar. Secara ringkas, keterangan ketiga-tiga teori adalah seperti berikut; Kecekapan Pareto adalah keadaan ekonomi di mana sumber daya tidak dapat diperuntukkan semula untuk menjadikan satu individu lebih baik tanpa membuat sekurang-kurangnya satu individu menjadi lebih buruk. Kecekapan Kaldor-Hicks pula menyatakan perubahan dalam pengagihan sumber dikatakan cekap apabila menghasilkan lebih banyak faedah daripada kos. Manakala, Kecekapan Teorem Keuntungan Sifar menyatakan kemasukan ke dalam industri yang kompetitif akan berterusan sehingga semua peluang untuk keuntungan ekonomi positif dikurangkan kepada sifar.

Konsep sempadan kemungkinan pengeluaran adalah berasaskan kecekapan pareto atau kecekapan optimum yang mana vektor input-output akan mencapai kecekapan teknik sekiranya pertambahan mana-mana output atau pengurangan mana-mana input adalah perlu dengan hanya mengurangkan output lain atau menambah input lain (Koopmans 1951: 60). Kecekapan pengeluaran (Farrell 1957: 255) menggunakan konsep kecekapan pareto dari Koopmans (1951) dan kemudiannya menjadi konsep kecekapan dalam Charnes et al. (1985). Ini bermaksud pengukuran kecekapan Pareto-Koopmans, iaitu sesuatu *Decision Making Unit* (DMU) adalah cekap, hanya dan sekiranya, DMU tersebut menepati definisi kecekapan Koopmans, iaitu konsep kecekapan pareto (Färe dan Lovell 1978).

Konsep pengukuran kecekapan pertama kali telah dibincangkan oleh Farrell (1957). Kajian beliau merupakan lanjutan daripada kajian Koopmans (1951) dan Debreu (1951). Menurut Farrell (1957), konsep pengukuran kecekapan dibahagi kepada tiga iaitu kecekapan teknik (*technical efficiency/TE*), kecekapan peruntukan (*allocative efficiency/AE*) dan kecekapan produktif (atau ekonomi keseluruhan). Kecekapan teknik ditakrifkan sebagai pengeluaran output maksimum yang mungkin daripada sekumpulan input tertentu. Untuk mencapai kecekapan teknik memerlukan penggunaan sumber produktif dengan kaedah yang paling cekap dari segi teknologi. Kecekapan peruntukan dicapai apabila firma menggunakan input yang tersedia dalam kadar yang optimum, harga input diberi dan teknologi pengeluaran sedia ada. Kecekapan produktif dicapai apabila kecekapan alokasi dan kecekapan teknik dapat dicapai.

Kecekapan ekonomi berkaitan dengan kos dan hasil. Contohnya, syarikat yang menggunakan kos yang rendah untuk mengeluarkan produk yang sama kualiti dengan syarikat lain dikatakan cekap. Selain itu, syarikat yang dapat

mengurangkan pembaziran juga dikatakan cekap kerana dapat mengoptimumkan penggunaan kos untuk menghasilkan produk (Callender, 2009; Mohamed Hisham 2004; Roziana 2014). Kecekapan ekonomi mampu menentukan tahap kecekapan pengurusan kerana ia sebahagian dari kecekapan pengurusan. Kecekapan ekonomi merupakan alat yang penting dalam pengukuran kecekapan pengurusan (Pawslowski, Piatskowski & Zebrowski, 2009). Terdapat dua pendekatan untuk mengukur kecekapan ekonomi sesebuah organisasi iaitu pendekatan nisbah kewangan (prestasi kewangan) dan pendekatan penyelidikan operasi (OR). Antara pendekatan nisbah kewangan yang digunakan ialah pulangan atas aset (ROA), pulangan atas ekuiti (ROE), nisbah kecukupan modal (CAR), nisbah kecekapan operasi (OER) atau nisbah kos kepada pendapatan (CIR). Manakala pada pendekatan OR, kecekapan diukur dengan menggunakan teknik parametrik seperti *Stochastic Frontier Approach* (SFA), *Distribution-Free Approach* (DFA) dan *Recursive Thick Frontier Approach* (RTFA) serta dua teknik bukan parametrik iaitu analisis DEA dan *Free Disposable Hull* (DFH).

ANALISIS PENYAMPULAN DATA (DATA ENVELOPMENT ANALYSIS - DEA)

Untuk mengukur kecekapan teknik sekolah, dua pendekatan popular telah muncul: (i) pendekatan ekonometrik (parametrik), berdasarkan *Stochastic Frontier Analysis* (SFA), dan (ii) pendekatan pengaturcaraan linear (bukan parametrik), berdasarkan *Data Envelopment Analysis* (DEA). Dalam kajian ini, tinjauan teori kedua iaitu DEA dikaji dalam konteks sektor pendidikan.

Justifikasi pemilihan kaedah DEA dalam menganggar kecekapan adalah seperti berikut. Pertama, perhatian khusus diberikan pada penggunaan DEA terhadap pengukuran kecekapan sekolah. Charnes et al. (1978) pertama kali memperkenalkan DEA untuk penilaian pendidikan awam sektor berdasarkan ukuran kecekapan teknikal Farrell (1957). Hasil karya Charnes et al. (1978) memperluas ukuran kecekapan Farrell dari input tunggal, output tunggal ke kes input pelbagai, output berganda.

Kedua, pengiraan DEA adalah berdasarkan kaedah pengaturcaraan linear matematik. Prestasi setiap unit pembuat keputusan (disebut sebagai DMU) dihitung berdasarkan nisbah output wajaran yang dihasilkan terhadap input berwajaran yang digunakan dengan syarat nisbah untuk semua DMU kurang dari atau sama dengan satu. DMU yang cekap mempunyai nisbah yang sama dengan satu dan DMU yang tidak cekap mempunyai nisbah kurang dari satu. DMU terbaik yang dikenalpasti membentuk sempadan, dan prestasi DMU lain dibandingkan dengan sempadan (Charnes et al., 1994). Dua model DEA asas telah digunakan secara meluas: (i) Pulangan malar mengikut skala (*Constant Return to Scale* - CRS) model Charnes, Cooper dan Rhodes (1978), dan (ii) Pulangan berubah mengikut skala (*Variable Constant to Scale* - VRS) model (Banker, Charnes, & Cooper 1984).

DEA mempunyai beberapa batasan kerana didasarkan pada beberapa andaian penyederhanaan yang perlu diakui ketika menafsirkan hasilnya. Hasil DEA sangat sensitif terhadap kesalahan pengukuran. Input yang terlalu rendah

atau output yang terlalu tinggi dapat menghasilkan hasil yang luar biasa dan di luar keluk, sehingga mengurangkan skor kecekapan unit yang lain. Skor DEA juga peka terhadap spesifikasi input dan output dan ukuran sampel. Sebagai contoh, meningkatkan ukuran sampel DMU mengurangkan skor kecekapan purata, yang mana dapat meningkatkan skor kecekapan.

Pengukuran kecekapan insituti pendidikan terutama pendidikan rendah dan menengah dengan pendekatan DEA telah digunakan dengan meluas. DEA dalam kajian sekolah rendah telah dijalankan antaranya oleh Huguenin (2015), Liang (2014), Tsakiridou dan Stergiou (2013) dan Hu et. al (2009). Manakala penggunaan DEA dalam kajian kecekapan sekolah menengah pula telah dijalankan antaranya oleh Nauzeer et al. (2018), Akbar (2018), Zachariah dan Joshua (2016), Agasisti dan Zoido (2015), Arshad dan Nahar (2014), Aristovnik dan Obadić (2014), dan Podinovski et al. (2014). Penggunaan DEA di peringkat pendidikan tinggi juga turut dijalankan dengan meluas antaranya kajian oleh Drebee dan Razak (2018), Kashim, Kasim, dan Rahman (2018), Andersson et. al (2017), Nazarko dan Sapauskas (2014), Patricio Ramírez-Correa (2012), Agasisti dan Pérez-Esparrells (2009) serta Kempkes dan Poh (2008)

Selain menggunakan pendekatan DEA, pendekatan kedua yang popular dalam kajian kecekapan pendidikan rendah dan menengah adalah *Stochastic Frontier Analysis* (SFA). Antara pengkaji yang menggunakan SFA dalam kajian kecekapan pendidikan terdiri daripada Latina dan Ramirez (2017), Dolton et al. (2003), Hanushek dan Luque (2003), Daneshvary dan Clauretie (2001), Gershberg dan Schuermann (2001), Grosskopf et al. (2001), serta McEwan dan Carnoy (2000).

Selain penggunaan meluas bagi firma yang tidak berorientasikan keuntungan seperti perkhidmatan kerajaan dan sekolah, pengukuran kecekapan juga turut diaplikasi di dalam bidang kajian lain antaranya sektor pembuatan tekstil, dengan menggunakan kaedah *Stochastic Frontier Analysis* (SFA) (Fahmy-abdullah, Sieng & Muhammad, 2018) dan perbandingan kecekapan perbankan Islam dengan menggunakan DEA (Ibrahim et. al, 2017; Faizal & Nizam 2018). Selain dari itu, kaedah SFA juga digunakan dalam kajian perbandingan kecekapan perbankan Islam (Othman, Abdul-Majid, & Abdul-Rahman, 2017) dan kajian dalam sektor pengangkutan (Fahmy-Abdullah, Ismail & Sulaiman N., 2017).

KECEKAPAN PENGURUSAN

Pengkaji mendapati bahawa beberapa kaedah pengukuran kecekapan pengurusan yang sesuai untuk digunakan melalui beberapa aspek yang dinyatakan seperti nilai sosial, hubungan antara anggota, kecemerlangan organisasi dan fungsi pengurusan.

I. Model Tiga Dimensi Kecekapan

Model ini penting untuk menghasilkan sebuah organisasi yang cemerlang. Model ini memfokuskan kepada perkembangan organisasi dengan menganalisis keadaan

organisasi semasa dan meningkatkan hasil organisasi. Apabila keadaan sebenar sesebuah organisasi diketahui, pihak pengurusan akan mudah menentukan penyelesaian yang terbaik untuk memperbaiki keadaan tersebut. Pihak pengurusan yang cekap akan terus bertindak untuk mengimbangi risiko yang berlaku dengan membuat keputusan yang sewajarnya.

II. Model Six Rules

Model ini memfokuskan kecekapan pengurusan dalam aspek organisasi. Model ini mementingkan hubungan antara anggota organisasi sebagai salah satu faktor yang menghasilkan kecekapan dalam pengurusan organisasi. Scanlan dalam kajian Pawloski, Piatkowski dan Zebrowski (2009) menjadikannya satu inisiatif dalam membina model Six Rules atau "Peraturan Enam" yang membantu organisasi meningkatkan tahap kecekapannya. Enam peraturan tersebut ialah:

1. Menjelaskan dan mengekalkan keperluan yang tinggi berkenaan dengan hasil.
2. Memberitahu tentang keadaan semasa mereka.
3. Memperkenalkan peraturan komunikasi yang jelas.
4. Mewujudkan suasana galakan dan sokongan.
5. Belajar untuk mewakili tanggung jawab, hak dan kewajipan.
6. Mewujudkan sistem untuk menilai dan mengarah.

III. Model Svirina (2013)

Svirina (2013) telah menggabungkan fungsi pengurusan daripada teori pengurusan klasik dan beberapa fungsi pengurusan yang digunakan oleh syarikat tertentu. Tujuh fungsi yang terpilih dihimpunkan dan distruktur semula supaya sesuai dengan kajiannya. Tujuh fungsi pengurusan tersebut ialah fungsi perancangan, pengorganisasian, pengawalan, koordinasi, motivasi, penciptaan dan pembangunan budaya organisasi serta tanggung jawab sosial korporat. Model ini menjadi semakin kukuh untuk kajian berkaitan kecekapan pengurusan apabila kriteria bagi setiap fungsi dipilih dan disokong oleh pengurus dan pakar dari 195 buah syarikat pelbagai saiz di Rusia. Bahkan syarikat yang dipilih sememangnya berada dalam lapangan sektor ekonomi yang sebenar. Semua kriteria yang dipilih menjelaskan kualiti bagi setiap fungsi pengurusan dan dinyatakan peratusan kualiti bagi prestasi. Selain itu, setiap fungsi pengurusan mempunyai satu atau lebih kriteria yang mewakili kriteria kewangan.

IV. Model Dua Dimensi

Model Dua Dimensi dihasilkan oleh Bagautdinova (2014), seorang pengkaji dari Rusia sebagai ganti kepada Model Satu Dimensi. Model Satu Dimensi ialah pengukuran pencapaian pada satu aspek sahaja iaitu aspek kewangan. Sebahagian besar organisasi hanya memberi tumpuan untuk memaksimumkan hasil jangka pendek yang diukur dari segi kecekapan kewangan. Peningkatan dalam aspek kewangan membawa kepada perubahan dalam ekonomi global,

namun krisis tetap akan wujud semula kerana sebab utama berlakunya krisis belum ditangani. Dalam kebanyakan kes bagi pemegang saham yang cenderung menggunakan satu jenis pengukuran berdasarkan petunjuk ekonomi seperti keuntungan atau pasaran saham, hasilnya akan mendapati prestasi organisasi atau firma yang tidak seimbang. Oleh itu, untuk mengukur kecekapan pengurusan, organisasi memerlukan alat kualitatif yang dapat memberikan ukuran tepat yang dapat dibandingkan dengan hasil pencapaian dalam tempoh lebih awal.

Sehubungan itu, Model Dua Dimensi diperkenalkan sebagai pelengkap kepada penilaian sebelumnya. Model Dua Dimensi memberi peluang untuk membentuk kecekapan dari sudut pandangan sosioekonomi secara keseluruhan. Pertama, peraturan-peraturan terkini yang ditetapkan dalam syarikat adalah melalui keputusan yang telah disediakan berdasarkan skala kewangan biasa (di mana keuntungan adalah instrumen pengukur). Kedua, menjadikan nilai sosial sebagai alat ukur. Nilai sosial juga melibatkan aspek kualiti hubungan pelanggan dari segi kepercayaan dan tahap kepuasan serta hasil komuniti. Hasil analisis Bagautdinova (2014) terhadap kes pengurusan perusahaan di Rusia dengan menggunakan kedua-dua instrumen kualitatif dan kuantitatif yang mendapati bahawa syarikat yang mempunyai nilai sosial yang tinggi lebih seimbang untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi. Hasil kajian ini membuktikan bahawa nilai sosial perlu dipertimbangkan untuk mengkaji kecekapan pengurusan organisasi yang lebih menyeluruh.

ANALISIS TERHADAP PENGUKURAN KECEKAPAN PENGURUSAN MENURUT ISLAM

M. Ismat Bakr Ahmed (2009) telah membicarakan tentang campur tangan ketua negara untuk mencapai kecekapan ekonomi berdasarkan ekonomi Islam dan ekonomi konvensional. Beliau melihat bahawa ekonomi Islam menyediakan negara dengan zakat, usyur, wakaf dan pelbagai jenis sedekah sebagai pertukaran cukai dalam ekonomi konvensional.

Dari sudut yang berbeza daripada pentadbiran berdasarkan ekonomi konvensional yang mewajibkan cukai, negara Islam boleh melaksanakan hak ketua negara untuk mengambil langkah-langkah yang perlu dan berjaga-jaga dalam ekonomi negara untuk mencapai "kepentingan rakyat dengan segera dan serta-merta dan menghapuskan keburukan terhadap mereka" melalui, larangan jual beli yang dilarang dalam Islam, menyediakan barangan asas keperluan rakyat di pasaran oleh kerana peniaga tidak mampu menyediakan kepada mereka, menangani pengaruh negatif dari pihak luar dalam apajua projek, melaksanakan hisbah dan penetapan harga secara langsung bagi sesetengah barangan dan perkhidmatan asas keperluan rakyat.

Omar Nihad Mahmoud (2021) telah menyatakan dasar pengurusan bagi pemilihan pekerja yang cekap mengikut Islam ialah mempunyai kekuatan fizikal, mental, kelayakan akademik dan jujur. Rasulullah S.A.W bersabda: *"Allah telah menetapkan ihsan (kebaikan) atas segala sesuatu, maka jika kamu membunuh, maka bunuhlah dengan baik, dan jika kamu menyembelih, maka sembelihlah dengan baik, dan hendaklah salah seorang di antara kamu mengasah pisauanya*

dan hendaklah menenangkan sembelihannya". Dan juga sebagai seorang muslim mesti berpegang kepada kejujuran, dan pekerja lebih wajib mematuhi kerana kepentingannya dalam produktif pada satu institusi dan juga pada transaksi pasaran. Dan pada masa yang sama Islam memberi amaran terhadap mereka yang berbohong kerana ia memberi kesan negatifnya terhadap pengeluaran dan transaksi di pasaran, Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Hendaklah kamu berlaku jujur, kerana kejujuran membawa kepada kebenaran, dan kebaikan membawa kepada syurga, dan seseorang itu terus berkata-kata dengan jujur dan mencari kebenaran sehingga dia ditulis di sisi Allah sebagai seorang yang jujur, dan berhati-hatilah daripada berdusta, kerana dusta itu membawa kepada kefasikan, dan kefasikan membawa ke neraka, dan seorang lelaki terus berdusta dan mencari kebohongan sehingga Dia ditulis di sisi Tuhan sebagai pendusta.*

Malah, Al-Mawardi menyatakan bahawa mesti berusaha untuk memilih seorang paling layak daripada yang lain, berdikari, jujur, menjaga maruah, agama, akal dan menjaga adat ini kerana di antara mereka ada yang dipercayai oleh raja dengan darah dan jiwanya, dan di antara mereka ada orang yang dipercayai dalam menjaga rahsianya, khazanahnya, agamanya dan akhirlatnya, hartanya dan perbendaharaannya. Ini disokong oleh Abdulaziz Alnahedh, Dr. Younes Soualhi (2018) yang menyatakan bahawa mencapai kecekapan dalam pekerjaan datang daripada seorang yang bersifar rajin berusaha, jujur dan memelihara hak dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Di samping itu, mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik firman Allah S.W.T : *"Sebaik-baik orang yang kamu upah ialah orang yang kuat lagi amanah"* [Al-Qasas: 26].

Dan firman Allah S.W.T di lisan Nabi Yusuf A.S : *"Dia berkata: Jadikanlah aku menguasai perbendaharaan bumi, sesungguhnya aku adalah mengetahui penjaga."* [Yusuf: 55]. Sebagai khalifah Allah di bumi .*"Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya"* [Hud: 61], harus mempertengahan isu-isu ekonomi secara ilmiah kemudian menyelesaikannya mengikut syariah islam. Beliau melihat bahawa masalah ekonomi akibat dari masalah tingkah laku manusia yang lalai dalam perbelanjaan serta adanya ketidakadilan dalam pengagihan harta dan sumber alam, pendapatan dan simpanan wang tunai, sehingga tidak dikembalikan kepada masyarakat kecuali dengan faedah atau riba. Untuk menyelesaikan masalah di atas adalah mengaplikasikan sistem ekonomi Islam supaya mampu mencapai kesejahteraan dan kestabilan ekonomi melalui agihan zakat dan pencegahan riba. Di samping itu, kepercayaan bahawa zakat mampu mengagihkan kepada sumber manusia, alam semula jadi dan kewangan untuk aktiviti ekonomi dan masyarakat. Peranan utama dalam mencapai ini adalah campur tangan negara Islam dalam mengaktifkan Hisbah (Audit) dan mengawal serta mencegah monopoli, eksploitasi dan penggunaan hak individu.

Dan ini disokong oleh Talal Mansour Al-Dhiyabi (2021) pula menyatakan keadilan sebagai syarat asas untuk mencapai model ekonomi Islam. Dengan aspek lain, melaksanakan konsep ekonomi Islam bagi mencapai kecekapan dan pertumbuhan ekonomi.

Firman Allah S.W.T "*Katakanlah: "Tuhanku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara)"* [Al-Araf: 29]. Dr. Jasim dan Dr.Ahmad (2010) menjelaskan bahawa ukuran kecekapan dalam ekonomi Islam adalah berdasarkan memahami Maqasid Syariah sebagai khalifah Allah S.W.T dan kebijakan ekonomi dengan menguasai ilmu dan ekonomi. Dan ekonomi Islam bersandarkan kepada tiga paksi utama ialah Fiqh Muamalat, Kewangan Islam dan Pengkhususan ekonomi Islam.

Dima F. T. Abulatefa dan Yousef A. Y. Almadhoun (2020) pula menyatakan tentang peranan syariah Islam dalam memerangi kelemahan pentadbiran dan cara untuk mencegahnya. Antara cara penyelesaiannya adalah:

1. Tauladan yang baik firman Yang Maha Esa, "*Teladan yang baik bagi kamu pada diri Rasulullah*" [Al-Ahzab: 12]. Nabi s.a.w. menjelaskan kepada umatnya jenis-jenis jual beli yang haram dan diikuti oleh Khulafaa' Ar-Rasyidn dalam pentadbiran negara Islam dan jua pemerintah-permerintah negara Islam seterusnya.
2. Menyuruh kepada perbuatan yang baik dan mencegah dari perbuatan yang buruk (*Amar maaruf wa nahyu ani munkar*) Allah Yang Maha Esa berfirman: "*Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya*" [Al-Imran: 104]. Dengan kaedah yang menggalakkan pekerja mempunyai sifat amnah, jujur dan beretika dalam pekerjaan dan mematuhi arahan kerja dari semasa ke semasa, dan berhak mendapat ganjaran sama ada berbentuk moral atau material. Dan sebaliknya, menghukum pekerja yang melanggar etika dan arahan kerja dengan memberi peringatan negatif dari segi moral atau material.
3. Pelantikan atas dasar kecekapan dan kelebihan sebagaimana firman Allah Taala dalam kata-kata Nabi Yusuf a.s: "*Yusuf berkata: "Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya"*. [Yusuf: 55]. Dan juga firman Allah Taala dalam kata-kata puteri Nabi Syuaib a.s: "*Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah"*. [Al-Qasas 26]. Daripada ayat-ayat tersebut ia membuktikan bahawa haram melantik pekerja atas dasar pilih kasih, rasuah, parti atau puak, atau kepentingan melawan musuh.
4. Pindaan dalam Pengurusan iaitu berpindah daripada satu situasi kepada situasi baharu antara pembolehubah tersebut ialah tahap penderitaan

daripada tahap keterukan pentadbiran kepada penurunan lebih cekap tulus yang mampu dicapai oleh penyelesaian kelemahan pentadbiran.

5. Akauntabiliti dan Pemantauan bersandarkan kepada Al-Quran. Al-Quran telah membicarakan tiga jenis pemantauan;
Pertama: Pemantauan sendiri, iaitu pekerja mengawasi dirinya sendiri dan takut kepada Tuhan dalam dirinya dan kerjanya.
Kedua: Pengawasan pentadbiran oleh pemimpin negara atau ketua organisasi bagi kebaikan sebuah institusi sepertimana firman Allah Taala *“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah.”* [Saad: 26]
Ketiga: Pengawasan oleh pihak luar ke atas institusi terhadap prestasi pentadbiran.
6. Keadilan dan kesaksamaan melalui kontrak antara pekerja dan institusi dan komitmen mereka terhadap syarat kontrak. Yang Maha Kuasa berfirman: *“Tuhan memerintahkan keadilan dan kebajikan.”* [An-Nahl: 90]
7. Memantapkan nilai-nilai Islam, sama ada seorang pekerja atau pemimpin, dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas kerana ia adalah amanah di tangannya. Di tambah lagi, kesungguhannya dalam membantras ketidak adilan, eksploitasi, penipuan, rasuah semua ini kerana mengharap ganjaran daripada Allah Taala dan keberkatan rezki serta takut akan azab Allah di dunia dan akhirat.
8. Pengurusan perlu menjelaskan matlamat institusi berdasarkan penanaman semangat kerja berpasukan di antara ketua dan kakitangan. Contohnya; Allah Taala telah menjelaskan sebab kewujudan manusia dalam kehidupan dunia ini adalah untuk mencapai matlamat mengabdikan diri kepada Allah Taala: *“Aku tidak mencipta jin dan manusia kecuali untuk beribadat.”* [Adz-Dhariyat: 56]
9. Mewujudkan komunikasi yang baik antara pihak atasan dan bawahan dari sudut pandangan, bertukar-tukar idea dan kritikan untuk kerja yang salah tepat pada masanya secara baik dan bijak sana.
10. Pengurusan yang berteraskan kesaksamaan dalam menerima pandangan pihak lain dan keputusan yang memberi manfaat kepada semua pihak seperti amalan Ijmak dalam fiqh Islam sebagaimana firman Yang Maha Esa: *“dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka”* [As-Syura: 38].

11. Pengurusan yang mampu menjaga kualiti secara menyeluruh dengan berkerja secara tekun dan penambahbaikan berterusan dalam semua aspek pekerjaan. Maka dengan ini dapat dicapai matlamat insititusi dan hasilnya dipilih oleh masyarakat.
12. Kaedah memberi ganjaran atas pencapaian dan menegur pesalah di tempat kerja. Allah Yang Maha Kuasa berfirman: *“Jika kamu berbuat baik, kamu berbuat baik untuk dirimu sendiri, dan jika kamu berbuat jahat, itu untuk mereka.”* [Al-Isra: 7].

KESIMPULAN

Kajian ini mengetengahkan kajian lepas berhubung kecekapan sekolah. Kajian ini memberi tumpuan kepada kaedah atau metodologi yang digunakan untuk mengukur kecekapan sekolah. Model kecekapan bergantung kepada pemilihan input dan output. Kewujudan database antarabangsa seperti PISA dan TIMSS membolehkan pengkaji menjalankan kajian perbandingan antara negara selain dari database dari setiap negara itu sendiri. Kajian lepas memberikan gambaran yang jelas tentang kesukaran pengkaji di dalam mengukur keupayaan pelajar, sumber kewangan institusi mahupun pelaburan teknologi maklumat. Pelaburan yang besar harus dilakukan dalam teknologi maklumat agar segala maklumat yang ingin digunakan mudah diperolehi bagi tujuan penambahbaikan terutama bagi mendapatkan data sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat, sumber sekolah dan perkhidmatan pelajar. Data yang ada kini kebanyakannya tidak spesifik dan terlalu umum. Satu indikator perlu dibentuk bagi menggambarkan kualiti guru yang sukar diukur pada masa kini.

Berdasarkan pandangan dari kajian lepas, menunjukkan kajian lepas berhubung kecekapan sekolah adalah berpunca dari kajian ekonomi pendidikan. Dari kajian lepas ini juga dapat dilihat setiap pengkaji mempunyai persoalan kajian yang berbeza. Kajian lepas mengenai ekonomi pendidikan lebih kepada mengukur penentu kepada pencapaian organisasi atau kesan dasar yang spesifik serta campurtangan kerajaan serta pihak sekolah. Manakala kecekapan menerangkan keupayaan menukar input kepada output., serta cuba mencari hubungan antara kecekapan dengan karektor organisasi atau persekitaran. Kedua, penilaian terhadap masalah endoneginiti, heterogeniti telah diambil kira oleh pengkaji. Walau bagaimanapun, terdapat persamaan yang jelas di dalam kajian pengkaji-pengkaji ini iaitu antara model kecekapan dan teknik ekonometrik yang digunakan.

RUJUKAN

Abdulaziz Al-Nahedh, Dr. Younes Soualhi (2018) Principles and Theory of Governance from Islamic Perspective. *Al-Risalah Journal*, Academic Biannual Refereed Journal. IIUM

- Agasisti, T., Bonomi, F., & Sibiano, P. 2014. Measuring the “managerial” efficiency of public schools: a case study in Italy. *International Journal of Educational Management*, 28(2), 120–140.
- Andersson, C., Antelius, J., Månsson, J. & Sund, K. 2017. Technical efficiency and productivity for higher education institutions in Sweden. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 61(2), 205–223.
- Arshad, M. N. M. (2014). Efficiency of Secondary Education of a Selected OIC Countries. *Global Education Review*, 1(4).
- Banker, R. D., Charnes, A., & Cooper, W. W. 1984. Some models for estimating technical and scale inefficiencies in data envelopment analysis. *Management science*, 30(9), 1078–1092.
- Bagautdinova, N. (2014). The Role of Management Efficiency Measuring in Development of Economic Crisis. *Procedia Economics and Finance*, 16, 160–165.
- Callender, G. (2008). *Efficiency and Management*. Routledge, New York.
- De Witte, K., & López-Torres, L. 2017. Efficiency in education: a review of literature and a way forward. *Journal of the Operational Research Society* 68(4): 339–363.
- Dima F. T. Abulatefa , Yousef A. Y. Almadhoun (2020). The Role of Islamic Law in combating Administrative Corruption and ways to prevent it. Penerbit USIM, Universiti Sains Islam Malaysia. 3rd International Conference Of The Postgraduate Students And Academics In Syariah And Law.
- Dolton, P., Marcenaro, O. D. & Navarro, L. 2003. The effective use of student time: A stochastic frontier production function case study. *Economics of Education Review*, 22(6), 547–560.
- Drebee, H. A., Azam, N. & Razak, A. 2018. Measuring the Efficiency of Colleges at the University of Al-Qadisiyah-Iraq: A Data Envelopment Analysis Approach. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(3), 163–179.
- Dr. Jasim Al-Faris, Dr. Ahmad Ibrahim Mansor (2010). *Al-Kafa'ah Al-Iqtishodi fi mandhour Al-Iqtishod Al-Islami- Dirasah Muqaranah*. Journal Tanmiyat Ar-Rafidiy. Vol.32, No.98.
- Farrell, M. J. 1957. The measurement of productive efficiency. *Journal of the Royal Statistical Society*, 120(3), 253–290.
- Huguenin, J.-M. 2015. Determinants of school efficiency. *International Journal of Educational Management*, 29(5), 539–562.
- Hu, Y., Zhang, Z., & Liang, W. (2009). Efficiency of primary schools in Beijing, China: an evaluation by data envelopment analysis. *International Journal of Educational Management*.
- Kashim, R., Kasim, M. M., & Rahman, A. R. 2018. Measuring Efficiency of a University Faculty Using A Hierarchical Network Data Envelopment Analysis. *Journal of ICT*, 17(4), 569–585.
- Koopmans, T. C. 1951. Efficient allocation of resources. *Econometrica: Journal of the Econometric Society*, 455–465.

- Latina, J., & Ramirez, J. V. 2017. The Three I's of Public Schools: Irrelevant Inputs, Insufficient Resources and Inefficiency. *Applied Economics*, 49(12), 1164–1184.
- M. Ismat Bakr Ahmed. (2009). Tadakhul Al-Daulah lithahqiq Al-Kafaah Al-Iqtishadiyah fi Zhilal-Iqtishad Al-Islami wal Al-Iqtishad Al-Wadhi'i.. dirasah muqaranah. *Tikrit Journal of Administrative and Economics Sciences*. V 5, 14-2009
- Mohamed Hisham Yahya. (2004). Kesan Penggabungan dan Pengambilalihan ke atas Kecekapan Syarikat-Syarikat di Malaysia: Pendekatan DEA. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Nihad Mahmoud (2021) Management policy for employee's selection in Islamic. *AQU Journal of Shari'a Sciences and Islamic Studies*, Vol.1 No. 1. Pp278-319
- Pawslowski Marek, P. Z. & Z. W. (2009). *Management Efficiency. Foundations of Management*, 1(1), 95–110
- Roziana Baharin. (2014). Pengubahsuaian Fungsian Fleksibel Fourier dalam Analisis Meta Stokastik untuk Mengukur Kecekapan Kos Industri Insuarans hayat dan Industri Takaful Keluarga di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Svirina, A. (2013). Measuring Company Management Efficiency: The Case of Real Sector of Economy. *Journal Business and Economics*, 4(1), 13–31.
- Talal Mansour Al-Dhiyabi (2021) The theory of contract cost between institutional thought and Islamic economics. *Journal of International Islamic Sciences*. Vol 5, No.6